

Waran tangkap PM Israel satu kemenangan

# Netanyahu harus ditangkap - Anwar

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

**PUTRAJAYA** - Keputusan Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) mengeluarkan waran tangkap terhadap Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu adalah satu kemenangan dalam menegakkan keadilan dan kemanusiaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, keputusan ICC itu tentunya membantu meringankan perasaan derita rakyat Palestin dan Gaza.

Menurutnya, keputusan tersebut juga wajar kerana berlandaskan hukum dan bukti tentang kezaliman, penindasan dan pembunuhan berterusan rakyat Palestin.

“Jadi kita alu-alukan keputusan itu dan setuju dengan tindakan bahawa kalau ada mana-mana lawatan dia (Netanyahu) keluar harus ditangkap.

“Saya perhatikan ada beberapa negara Eropah yang telah buat kenyataan sedemikian,” katanya ketika ditemui selepas menunaikan solat Jumaat di Surau Al-Husna, Presint 9, di sini semalam.

Anwar memberitahu, ICC adalah badan yang memutuskan berdasarkan hukum dan bukti.

Katanya, ia juga adalah satu pengesahan tentang apa yang telah berlaku selama ini yang kadangkala dipertikaikan seba-



**ANWAR** ketika ditemui selepas hadir menunaikan solat jumaat di Surau Al-Husna di Presint 9, Putrajaya semalam. - FAISOL MUSTAFA

gian orang.

Ditanya mengenai keputusan Amerika Syarikat (AS) yang menentang keputusan dikeluarkan ICC itu, Anwar berkata, itu adalah keputusan AS tetapi seluruh dunia pastinya menyokong perkara itu.

Selain Netanyahu, waran tangkap turut dikeluarkan terhadap bekas Menteri Pertahanan Israel, Yoav Gallant atas dakwaan jenayah kemanusiaan dan perang di Gaza.

Waran tangkap terbaharu

yang dikeluarkan ICC itu turut melibatkan Ketua Hamas, Ibrahim al-Masri.

Menurut pendakwa raya ICC, Karim Khan dalam satu kenyataan, waran tangkap itu dikeluarkan susulan pembabitannya mereka dalam jenayah perang di Gaza dari 7 Oktober 2023 hingga 20 Mei 2024.

Keputusan itu juga dibuat selepas mahkamah menolak hujah Israel mengenai kekurangan bidang kuasa ke atas waran tangkap Netanyahu dan Gallant.